

**Makalah / Article**

**Pendekatan Pelancongan Wilayah di Malaysia: Senario dari 2008-2012**

**Regional Tourism Approaches in Malaysia: A Scenario from 2008-2012**

WAN SUZITA WAN IBRAHIM, HABIBAH AHMAD & HAMZAH JUSOH

**ABSTRAK**

*Pelancongan wilayah merujuk kepada penawaran dan jaringan aktiviti pelancongan di sebuah kawasan yang melibatkan produk-produk seperti ekopelancongan, pelancongan pesisiran pantai, pelancongan budaya, warisan dan kepulauan. Produk-produk pelancongan ini telah menjadi daya tarikan pelancong dan juga aset bagi memacu pembangunan di sebuah koridor ekonomi wilayah, khususnya di wilayah ECER, NCER dan Wilayah Pembangunan Iskandar (IDR). Walau bagaimanapun sehingga kini, secara konseptualnya tahap pencapaian dan keberkesanannya masih belum dikenal pasti. Justeru, artikel ini bertujuan mengenal pasti pencapaian dan meneliti sejauh mana keberkesanannya konsep ini bagi membangunkan pelancongan wilayah secara lestari.*

*Kata kunci:* Pelancongan wilayah, produk pelancong, kelestarian, ruang, tuan rumah

**ABSTRACT**

*Regional tourism refers to the offering and networking of tourism activity in areas providing various product including eco-tourism, coastal tourism, cultural tourism, heritage and island tourism. These products have attracted tourist and increasingly becoming a vital asset in driving the regional economic corridor development especially in ECER, NCER and the Iskandar Development Region (IDR). However, this conceptual has yet to be proven in terms of their performance and effectiveness. This article aims to examine the developmental scenario and how effective this concept in contributing to the sustainable tourism region.*

*Keywords:* Regional tourism, tourism product, sustainability, spatial, host

**PENGENALAN**

Pelancongan merupakan satu industri yang sedang berkembang pesat dan mempunyai pengaruh yang kuat ke atas negara-negara mundur dan sedang membangun untuk meningkatkan sumber ekonomi negara. Negara-negara tersebut menganggap bahawa kehadiran para pelancong dari negara-negara maju seperti Amerika Utara, Eropah Barat, dan Asia Barat dan Timur boleh dijadikan sumber penjanaan ekonomi penting untuk pembangunan negara seperti negara Malaysia. Kini Malaysia merupakan antara 10 destinasi pelancongan terbaik dunia dari segi ketibaan pelancong. Pelancongan menjadi industri kelima terbesar bagi ekonomi negara dengan pendapatan negara kasar (PNK) pada tahun 2009 adalah sebanyak RM36.9 bilion (Program Transformasi Ekonomi 2010). Di bawah bidang ekonomi utama negara (NKEA), pelancongan menjadi satu sektor yang strategik yang diberikan keutamaan, di mana peruntukan kewangan dipertingkatkan daripada RM24 juta pada tahun 2009 kepada RM36 juta dalam tahun 2020. Pelancongan di Malaysia berkembang dengan

kukuh sejak tahun 1990 dengan ketibaan para pelancong seramai 7.4 juta orang, 16 juta orang dalam tahun 2004 dan 24 juta orang dalam tahun 2009 (Kementerian Pelancongan Malaysia 2010). Penonjolan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan bukan sahaja dalam kalangan negara ASEAN, malah juga di peringkat dunia terserlah semenjak Tahun Melawat Malaysia diisytiharkan pada tahun 1990.

Pada masa kini, peranan industri ini semakin menonjol dengan pembangunan koridor pertumbuhan ekonomi wilayah di wilayah utara, tengah, timur dan selatan Semenanjung Malaysia. Pembangunan koridor-koridor pembangunan ekonomi ini seperti Koridor Pembangunan Ekonomi Wilayah Timur (ECER), Koridor Pembangunan Ekonomi Wilayah Utara (NCER) dan Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA), sebahagiannya adalah merupakan inisiatif kerajaan untuk menangani isu ketidakseimbangan antara wilayah, dan menjadikan industri pelancongan sebagai salah satu enjin pertumbuhan bagi memanfaatkan sumber-sumber tempatan, seperti persisiran pantai dan pulau, alam semula jadi, kebudayaan dan warisan.

Dalam konteks pelancongan, pembangunan wilayah merupakan satu pendekatan pembangunan ekonomi yang memberi tumpuan kepada keseimbangan kawasan tumpuan tarikan pelancongan. Idea koridor wilayah pembangunan ekonomi diketengahkan untuk meningkatkan kualiti industri pelancongan di samping mengimbangi pembangunan wilayah secara lestari. Secara konsepnya, pembangunan wilayah dilihat sebagai satu proses transformasi secara berperingkat bagi menjanakan kemajuan yang berterusan. Pelbagai idea dikemukakan ke arah pembangunan yang lebih baik melibatkan pembangunan infrastruktur, pendidikan, penambahbaikan industri pelancongan, sumber manusia dan identiti serta budaya komuniti setempat. Secara umumnya, pembangunan wilayah adalah '*super model*' untuk membawa perubahan dari semasa ke semasa dan saling bergantungan di pelbagai peringkat sama ada negara, negeri, daerah atau kawasan setempat (Baharuddin et al. 2002). Dalam konteks pembangunan wilayah pula, kedapatan sumber-sumber alam semula jadi dan buatan manusia di sebuah wilayah berupaya menarik pelancong tempatan dan luar menghabiskan satu tempoh tertentu di kawasan-kawasan pelancongan, sama ada dalam bentuk aktiviti pulau, budaya, pantai, ekopelancongan aktiviti bandar. Pembangunan produk-produk pelancongan dalam sebuah wilayah pastinya akan turut membangunkan wilayah-wilayah tersebut.

#### KAWASAN KAJIAN

Kajian melibatkan tiga koridor pembangunan ekonomi wilayah, iaitu Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), Wilayah Pembangunan Iskandar (IDR) dan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER). Jadual 1 menunjukkan latar belakang kawasan kajian, dan rancangan pembangunan pelancongan ekonomi wilayah dalam sektor pelancongan. Koridor Pembangunan Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECER) melibatkan negeri-negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang, serta Mersing di Johor, merangkumi kawasan seluas 67,474 km persegi. Jangka masa pembangunan adalah selama 12 tahun, yang akan melibatkan pelbagai sumber pelancongan seperti pantai dan pulau, budaya dan warisan, ekopelancongan dan acara persada. Wilayah Koridor Pembangunan Ekonomi Utara (NCER) pula merangkumi Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak Utara, dengan fokus pembangunan kepada pantai dan pulau, budaya dan warisan. Jangka masa pembangunan adalah selama 18 tahun. Sementara bagi Wilayah Pembangunan Iskandar (IDR) pula, yang melibatkan Johor Selatan memberikan fokus kepada pulau dan pantai, serta ekopelancongan. Tempoh pembangunan adalah selama 15 tahun, bagi memastikan Iskandar Malaysia menjadi metropolis yang kukuh dan mampu serta bertaraf antarabangsa.

#### KERANGKA PELANCONGAN WILAYAH


Kerangka pelancongan wilayah melibatkan ciri-ciri berikut (Rajah 1):

1. *Ruang*: Ruang merupakan tempat terjadinya aktiviti pelancongan atau kawasan destinasi yang mempunyai ciri-ciri yang berupaya menarik pelawat atau pelancong tanpa bergantung pada tarikan tempat-tempat yang lain (World Tourism Organization 1968). Beberapa konsep berkaitan ruang yang relevan dalam konteks perbincangan pelancongan wilayah ini, iaitu;
  - a. *Wilayah*: Wilayah merupakan sesuatu kawasan yang menjangkau dua atau lebih kawasan pentadbiran. Menurut Akta Perancangan Bandar dan Desa, Akta 172, wilayah terdiri dari dua negeri atau lebih. Wilayah yang digariskan dalam RMK9, merupakan Koridor Wilayah Ekonomi Negara yang meliputi kawasan yang lebih luas merangkumi beberapa negeri. Ianya terdiri daripada Wilayah Ekonomi Koridor Utara, Wilayah Tengah, Wilayah Ekonomi Pantai Timur dan Wilayah Selatan. Perancangan wilayah di peringkat konurbasi (city region) pula tertumpu kepada konurbasi utama negara seperti yang diperuntukkan dalam Rancangan Fizikal Negara (RFN) iaitu Konurbasi Kuala Lumpur, Konurbasi George Town, Konurbasi Kuantan dan Konurbasi Johor Bahru.
  - b. *Rancangan Wilayah*: Rancangan Wilayah (RW) merupakan dokumen perancangan yang mengandungi strategi pembangunan ruang untuk mencapai pertumbuhan dan pengagihan keseimbangan pembangunan serta untuk mencapai rangka kerja infrastruktur yang bersepadu dan cekap. RW juga dilihat sebagai satu sistem pengurusan pertumbuhan kawasan-kawasan bandar raya atau wilayah-bandar raya (city-region).
  - c. *Perancangan Wilayah dalam Hierarki Sistem Rancangan Pemajuan Negara*: Perancangan Wilayah dalam hierarki sistem rancangan pemajuan negara mempunyai dua peringkat iaitu rancangan wilayah bagi koridor wilayah ekonomi negara dan rancangan wilayah peringkat konurbasi atau wilayah bandar raya. Fokus utama perancangan koridor pembangunan wilayah ekonomi negara adalah untuk menyediakan peluang-peluang pembangunan ekonomi bagi negeri-negeri yang kurang membangun dan meningkatkan kualiti hidup penduduk luar bandar. Bagi konurbasi, fokus utamanya adalah penyelaras dalam penyediaan rangkaian utama perkhidmatan perbandaran dan penyeragaman guna pakai kaedah-kaedah dan piawaian bagi menghasilkan suasana perbandaran yang setara, cekap dan efisien.

JADUAL 1. Ciri Pembangunan Ekonomi Wilayah, 2008 - Kini

No	Wilayah (ruang)	Negeri terlibat	Bentuk Pelancongan	Program Pelancongan	Wawasan - Target	Tempoh (tahun)	Kos perbelanjaan
1	ECER (67,747 km <sup>2</sup> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kelantan,</li> <li>• Terengganu,</li> <li>• Pahang dan</li> <li>• Mersing di Johor</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pantai &amp; Pulau</li> <li>• Pelancongan budaya dan warisan</li> <li>• Ekopelancongan</li> <li>• Acara Persada</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 30 projek akan dilaksanakan dalam tempoh rancangan hingga 2020.</li> <li>• Membangunkan destinasi dan tarikan pelancongan yang baru.</li> <li>• Menaik taraf infrastruktur serta tahap kemudahan sampaian.</li> <li>• Memastikan setiap lokasi pelancongan yang sedia ada dapat dikunjungi dengan mudah dan selesa.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menjadi wilayah maju menjelang 2020</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 12 tahun</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• melebihi RM112 billion jumlah keseluruhan</li> <li>• RM16.5 billion diperuntukkan untuk pelancongan</li> </ul>
2	NCER (xxxxxx km <sup>2</sup> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kedah, Perlis,</li> <li>• Pulau Pinang</li> <li>• dan Perak</li> <li>• Utara.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pantai &amp; Pulau</li> <li>• Budaya &amp; warisan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Meningkatkan tarikan alam semula jadi.</li> <li>• Mengelakkan warisan &amp; budaya.</li> <li>• Menyediakan kemudahan &amp; perkhidmatan yang selesa.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Meninjatkan mutu industri sedia ada</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 18 tahun</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• RM20.1 billion diperuntukkan untuk pelancongan</li> </ul>
3	IDR (2,277 km <sup>2</sup> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Johor selatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pantai &amp; Pulau</li> <li>• Ekopelancongan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Program persekitaran yang selamat dan landskap yang menarik.</li> <li>• Menyediakan pelbagai kemudahan rekreasi di darat dan di laut.</li> <li>• Mewujudkan pusat peranginan yang eksklusif.</li> <li>• Memromosi dan memperkenalkan Iskandar sebagai pusat pelancongan.</li> <li>• Membangunkan program pelancongan berteraskan kebudayaan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memastikan Iskandar Malaysia menjadi metropolis yang kukuh dan mampan serta bertaraf antarabangsa.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 15 tahun</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• RM16.0 billion diperuntukkan untuk pelancongan</li> </ul>

Sumber:  
Wilayah Ekonomi Pantai Timur, (ECER), 2008  
Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER)  
Wilayah Pembangunan Iskandar



RAJAH 1. Ciri-ciri Pelancongan Wilayah

2. *Pergerakan Pelancong:* Pergerakan pelancong merupakan perjalanan pelawat atau individu ke destinasi yang terpilih sekurang-kurangnya bagi tempoh 24 jam di sesebuah kawasan, wilayah atau negeri yang dilawatinya sama ada untuk berekreasi, bercuti, menjalani rawatan, mengikuti pengajian dan sebagainya (World Tourism Organization 1981). Pelancong adalah merujuk kepada individu atau sekumpulan individu yang bergerak dari satu destinasi ke satu destinasi yang lain bagi tujuan melawat atau melancong dalam tempoh sekurang-kurangnya 24 jam. Bagi tempoh perjalanan yang kurang daripada 24 jam, mereka dikategorikan sebagai pelawat.

3. *Hubungan Pelancong dengan Tuan Rumah:* Dalam pelancongan wilayah, hubungan pelancong-tuan rumah melibatkan individu atau pelawat yang mengunjungi sesuatu kawasan atau ruang dalam wilayah tersebut. Pergerakan pelancong dijangka bukan tertumpu ke satu-satu kawasan sahaja tetapi tersebar dalam wilayah tersebut sama ada mereka bercuti dalam tempoh yang singkat atau panjang.

4. *Mekanisme:* Mekanisme melibatkan penggabungan faktor yang menggalakkan pergerakan pelancong wilayah. Tidak kira dilihat dari segi aktiviti atau produk – menjangkau pelancongan pulau, pantai, ekopelancongan, budaya dan warisan, kelebihan tarikan yang ada dalam sesuatu wilayah itu dapat menggalakkan aktiviti pelancongan. Polisi, dasar dan program pembangunan juga perlu diambil kira dalam membentuk mekanisme pelancongan wilayah.

5. *Kesan Pelancongan:* Kesan pelancongan adalah akibat yang timbul daripada tindak balas dan respons pemajuhan dalam industri ini di sesuatu kawasan. Kesan pelancongan juga timbul dalam bentuk kelakuan pelancong terhadap ekosistem pelancongan, termasuk ruang pelancongan bandar, luar bandar, budaya dan sumber asli. Kesan pelancongan wilayah akan lebih terkesan jika dilihat dalam dimensi:

- Input Pelancong kepada Wilayah:* Dalam konteks wilayah, pelancong adalah input manusia atau pengguna yang dilihat memberikan kesan pengganda dalam pelancongan. Ketibaan pelancong ke sesuatu wilayah itu akan diambil kira dalam pengiraan akaun wilayah, dan pergerakan transit mereka ke destinasi dalam wilayah juga melibat-gandakan sumbangan pelancong. Justeru itu, semakin tersebar pelancong itu dalam sesuatu wilayah, semakin terserlah sumbangan mereka dalam konteks pelancongan wilayah.
- Impak Pelancongan:* Seperti mana-mana produk pelancongan yang memberikan pelbagai kesan, impak pelancongan wilayah juga ketara dari segi ekonomi, sosial dan persekitaran. Oleh sebab skala ruang wilayah itu besar, impak pelancongan wilayah juga wajar dilihat dalam ruang besar atau bersifat makro. Cabarannya ialah melibatkan pemegang taruh yang pelbagai bukan sahaja dalam industri pelancongan tetapi juga sektor lain. Ini melibatkan mereka dari sekecil-kecilnya gerai makanan kepada pemain-pemain besar dalam industri pelancongan.

## SENARIO DAN PERKEMBANGAN INDUSTRI PELANCONGAN DI MALAYSIA PADA MASA KINI

Industri pelancongan merupakan industri penyumbang utama kepada ekonomi negara. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan, peranan sektor pelancongan menjadi semakin penting dalam merangsangkan pertumbuhan ekonomi ekoran pelbagai strategi dan insentif yang telah diambil oleh pihak kerajaan, seperti galakan insentif pelaburan, kempen Tahun Melawat Malaysia serta pembangunan infrastruktur yang membantu merangsangkan pembangunan industri tersebut sama ada secara langsung maupun tidak langsung (Redzuan & Norlida 2006). Gandingan usaha kerajaan dan swasta juga semakin memantapkan pembangunan industri pelancongan dan ini terbukti dengan meningkatnya ketibaan dan pendapatan daripada sektor pelancong antarabangsa. Pembangunan pesat dalam industri pelancongan di Malaysia pada masa kini, sebenarnya berakar umbi daripada strategi-strategi yang telah diambil dalam Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985) dan Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990), seperti yang dipaparkan dalam Jadual 2.

Jadual 3 menunjukkan hasil pendapatan pelancongan negara bertambah daripada RM353.9 juta pada tahun 1974 kepada RM56.5 bilion pada tahun 2010. Kedatangan pelancong bertambah dari 1.2 juta orang kepada 24.7 juta orang dalam masa yang sama. Pada masa kini, sasaran Kementerian Pelancongan ialah untuk membangunkan industri pelancongan ke tahap yang lebih tinggi melalui Pelan Transformasi Pelancongan Malaysia, iaitu “2020; 36: 168” iaitu 36 juta pelancong dengan pendapatan sebanyak RM168 bilion pada tahun 2020. Statistik daripada World Tourism Organization (2011) menunjukkan angka yang sangat memberangsangkan bagi sektor pelancongan di Malaysia. Di peringkat antarabangsa, Malaysia berada pada kedudukan kesembilan tertinggi daripada segi kedatangan pelancong asing, dan sekali gus merupakan negara tertinggi di rantau Asia Pasifik (Jadual 4).

JADUAL 3. Pendapatan Sektor Pelancongan dari Tahun 1974-2011

Tahun	Pelancong (orang) Juta	Hasil Pendapatan (RM)
1974	1.2	353.9 Juta
1980	1.3	1.5 Bilion
1990	7.5	4.5 Bilion
2000	10.2	18.7 Bilion
2010	24.6	56.5 Bilion
2011	24.7	58.3 Bilion

Sumber: Pelancongan Malaysia, 2011

## PENCAPAIAN PELANCONGAN WILAYAH DI MALAYSIA

Setiap wilayah koridor pembangunan ekonomi sama ada di Pantai Timur, Utara, Tengah dan Selatan telah dianugerahkan dengan beraneka sumber pelancongan bertaraf dunia. Sektor pelancongan mempunyai potensi dalam menjana pendapatan tinggi dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan, sekali gus meningkatkan penyertaan penduduk tempatan dalam industri pelancongan wilayah-wilayah ini. Rancangan pembangunan ini adalah untuk memastikan kedudukan negeri-negeri dalam wilayah-wilayah tersebut mencapai satu tahap pembangunan setanding dengan wilayah-wilayah yang lain. Pelaksanaan dan tahap pencapaian setiap wilayah koridor pembangunan ekonomi ini dapat dilihat dalam Jadual 5.

### PERGERAKAN PELANCONG DOMESTIK DAN ANTARABANGSA

Umumnya, pergerakan pelancong domestik dan antarabangsa di wilayah-wilayah ini menunjukkan trend yang sama seperti di peringkat nasional, seperti yang ditunjukkan Jadual 6. Berdasarkan trend ini, pergerakan pelancong antarabangsa dari Asia, Eropah, Australia dan Amerika Utara ke Malaysia amat membanggakan iaitu 10.2 juta orang pada tahun 2000 kepada 24.6 juta orang pada tahun 2010. Di samping itu, Malaysia mendapat kunjungan paling ramai pelancong dari negara Singapura dan Thailand.

### TUAN RUMAH DAN PENAWARAN PRODUK PELANCONGAN

Jadual 7 menunjukkan keunikan tarikan pelancongan di tiga wilayah utama selaku tuan rumah pelancongan wilayah iaitu kawasan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) dan Wilayah Pembangunan Iskandar (IDR.). Kebanyakan produk yang diutamakan adalah pantai & pulau, ekopelancongan, budaya dan warisan, alam semula jadi dan acara persada. Sebagai contoh di kawasan ECER, aktiviti ekopelancongan melibatkan beberapa kawasan tarikan seperti Taman Negara Kuala Koh (alam semula jadi, orang asli) di Kelantan, Tasik Kenyir (memancing, trekking hutan (Terengganu), dan Taman Endau – Rompin, Cameron Highland (Pahang). Manakala kawasan IDR menawarkan produk budaya dan warisan di mana ia melibatkan Karnival Budaya dan Warisan JB Bazz, Gendangan Tradisi di Laman Tun Sri Lanang, tarian tradisional India di Jalan Ungku Puan, tarian tradisional Melayu di Jalan Segget, persesembahan budaya di Jalan Meldrum dan Bangunan Warisan (Bangunan Sultan Ibrahim). Keunikan dan kepelbagaiannya tarikan ini akan membawa kepada ruang dan pergerakan pelancong ke kawasan tarikan.

JADUAL 2. Perancangan Awal Industri Pelancongan di Malaysia

Tahun	Badan / Agensi	Tugas	Perancangan / Program	Pencapaian
Era 1970-an	• Tourism Development Corporation of Malaysia (TDC)	• Mejalanckan pembangunan pelancongan	• Menggalakkan pembangunan kawasan pelancongan.	Sasaran tercapai
Era 1980-an	• Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Kementerian Pelancongan Malaysia)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan insentif, meningkatkan mutu kemudahan asas,</li> <li>• Membuat promosi yang lebih menyeluruh</li> <li>• Menyediakan peruntukan untuk memajukan industri ini.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Meningkatkan peruntukan promosi dan pemasaran aktiviti.</li> <li>• Menyediakan infrastruktur dan produk pembangunan.</li> </ul>	Pencapaian memberangsangkan
Era 1990-an	• Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Kementerian Pelancongan Malaysia)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan insentif, meningkatkan mutu kemudahan asas, membuat promosi yang lebih menyeluruh.</li> <li>• Menyediakan peruntukan untuk memajukan industri ini.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Program 'Tahun Melawat Malaysia 1990'</li> <li>• Meningkatkan infrastruktur dan produk pembangunan.</li> </ul>	Sasaran tercapai Program ini telah menarik 7.4 juta pelancong dengan hasil pendapatan sebanyak RM4.5 billion.
Era 2000	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Kementerian Pelancongan Malaysia)</li> <li>• Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan insentif, meningkatkan mutu kemudahan asas, membuat promosi yang lebih menyeluruh.</li> <li>• Menyediakan peruntukan untuk memajukan industri ini.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Meningkatkan peruntukan promosi</li> <li>• Meningkatkan produk pembangunan.</li> <li>• Kempen bertemakan 'Cuti-cutii Malaysia'</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mendapat sambutan yang baik daripada masyarakat tempatan.</li> <li>• Sebanyak 10.2 juta pelancong berbanding 7.9 juta dalam tahun 1999 (Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia)</li> </ul>
2008-kini	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Kementerian Pelancongan Malaysia)</li> <li>• Pelancongan Malaysia</li> <li>• NRE • MOT • MOHA • MITI • MOF • SPAD • KKLW • KPKK • PKPT</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mejalanckan Tugas NKEA Negara.</li> <li>• Menjadi Sekretariat kepada Jawatankuasa Pemandu untuk mengawas semua perkara berkaitan dengan NKEA.</li> <li>• Menyejak prestasi dan kemajuan pelaksanaan EPP.</li> <li>• Menyediakan sokongan analitis kepada pasukan pelaksanaan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menempatkan Malaysia sebagai Destinasi Membeli-belah Bebas Cukai bagi barang pelancong.</li> <li>• Menjadikan Kuala Lumpur City Centre - Bukit Bintang sebagai Presint membeli-belah yang meriah.</li> <li>• Membuka Tiga Ruang Perniagaan Premium baharu di Malaysia.</li> <li>• Memartabatkan Malaysia sebagai Hab Biodiversiti Global.</li> <li>• Membangunkan Hotel Bersepadu Eko semula jadi</li> <li>• Membangunkan Straits Riviera</li> <li>• Menyasarkan lebih acara antarabangsa</li> <li>• Memartabatkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan perniagaan yang terkena.</li> <li>• Pemboleh: Pemasaran, Modal Insan, Visa, Persekutuan, Pelancongan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tarif bagi kelompok pertama barang bebas cukai diketukuhkan</li> <li>• Luahan pejalan kaki di kawasan membeli-belah KLCC-Bukit Bintang dibangunkan</li> <li>• Ruang perniagaan premium yang pertama beroperasi</li> <li>• Lembaga Interim Hab Biodiversiti Global ditubuhkan.</li> <li>• Rangka Kerja Nasional mengenai Penumpang Pelabuhan Laut dan Pelancongan Pelayaran Persiaran disempurnakan.</li> <li>• Majlis Straits Riviera ditubuhkan.</li> <li>• Pembangunan zon hiburan baharu Kuala Lumpur dijalankan.</li> <li>• Penubulan Majlis SPA dan Kesejahteraan Nasional</li> <li>• Pembidaan bermula bagi himpunan acara pelancongan perniagaan sasaran</li> <li>• Rancangan pengembangan rangkaian ke bandar keutamaan diusahakan oleh syarikat penerbangan tempatan.</li> </ul>

Sumber: Kementerian Pelancongan Malaysia, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, Program Transformasi Ekonomi Hala Tuju untuk Malaysia, 2009.

JADUAL 4. Kedudukan Malaysia dalam Pelancongan Antarabangsa

No	Tahap	Siri	Ketibaan Pelancong Antarabangsa		
			2009	Juta Orang 2010	Peratus Perubahan 09/08
10*	Mexico	TF	21.5	22.4	-5.2
1	Perancis	TF	76.8	76.8	-3.0
2	Amerika Syarikat	TF	55.0	59.7	-5.1
3	China	TF	50.9	55.7	-4.1
4	Sepanyol	TF	52.2	52.7	-8.8
5	Itali	TF	43.2	43.6	1.2
6	United Kingdom	TF	28.2	28.1	-6.4
7	Turki	TF	25.5	27.0	-2.7
8	German	TCE	24.2	26.9	-2.7
9	Malaysia	TF	23.6	24.6	7.2

Sumber: Kementerian Pelancongan Malaysia, Pusat Pelancongan Malaysia (MTC)

JADUAL 5. Pelaksanaan &amp; Prestasi Pelancongan Wilayah di Malaysia, 2008 - kini

No	Wilayah (ruang)	Negeri terlibat	Bentuk Pelancongan	Program Pelancongan	Wawasan - Target	Prestasi Pelancongan
1	NCER	• Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak Utara.	• Pantai & Pulau • Budaya & Warisan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Meningkatkan tarikan alam semula jadi</li> <li>Mengekalkan warisan &amp; budaya</li> <li>Menyediakan kemudahan &amp; perkhidmatan yang selesa</li> </ul>	Meningkatkan mutu industri sedia ada	
2	ECER	• Kelantan, Terengganu, Pahang dan Mersing di Johor	• Pantai & Pulau • Pelancongan Budaya dan Warisan • Ekopelancongan • Acara Persada	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sebanyak 30 projek akan dilaksanakan dalam tempoh rancangan hingga 2020.</li> <li>Membangunkan destinasi dan tarikan pelancongan yang baru.</li> <li>Menaik taraf infrastruktur serta tahap kemudahan sampaian</li> <li>Memastikan setiap lokasi pelancongan yang sedia ada dapat dikunjungi dengan mudah dan selesa.</li> </ul>	Menjadi wilayah maju menjelang 2020	
3	IDR	• Johor Selatan	• Pantai & Pulau • Ekopelancongan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Program persekitaran yang selamat dan landskap yang menarik.</li> <li>Menyediakan pelbagai kemudahan rekreasi di darat dan di laut.</li> <li>Mewujudkan pusat peranginan yang eksklusif.</li> <li>Mempromosi dan memperkenalkan Iskandar sebagai pusat pelancongan</li> <li>Membangunkan program pelancongan berteraskan kebudayaan</li> </ul>	Menjadikan Iskandar Malaysia pilihan utama pelaburan, bermastautin, bekerja dan beriadah	<ul style="list-style-type: none"> <li>Karnival Budaya dan Warisan JB Bazz.</li> <li>* Gendangan Tradisi di Laman Tun Sri Lanang.</li> <li>* Tarian tradisional India di Jalan Ungku Puan</li> <li>* Tarian Tradisional Melayu di Jalan Segget</li> <li>* Persembahan Budaya di Jalan Meldrum.</li> </ul>

Sumber: ECERDC, 2008

JADUAL 6. Perbandingan Jumlah Pergerakan Pelancong Asing &amp; Tempatan ke Malaysia 2000-2010

Tahun	2000	2002	2004	2006	2008	2010
A. Jumlah Ketibaan Pelawat	12,212.6	20,756.6	24,432.4	25,298.8	25,321.3	32,649.20
Jumlah pelancong dari negara terpilih	10,221.6	13,292.0	15,703.4	16,546.9	22,052.5	24,557.2
i. Benua Asia						
Singapura	5,420.20	7,547.8	9,520.3	9,556.3	11,003.5	13,042.0
Indonesia	545.1	769.1	789.9	1,217.0	2,428.6	2,506.5
Thailand	940.2	1,166.9	1,518.5	1,891.9	1,493.8	1,458.7
Brunei Darussalam	195.1	257	453.7	784.4	1,085.1	1,124.4
China	501.6	674.1	632.8	532.9	949.9	1,130.3
India	132.1	183.4	173	279	550.7	690.8
Jepun	456	354.6	301.4	354.2	433.5	415.9
Filipina	81.9	107.5	143.8	211.1	397.9	498.8
Arab Saudi	27.8	45.0	39.4	67.3	74.5	88.8
ii. Benua Amerika Utara						
Amerika Syarikat	184.1	127.9	145.1	174.3	223.2	233.0
Kanada	55.1	35.0	32.8	34.7	77.7	91.7
iii. Benua Australia						
Australia	235.8	193.8	204.1	277.1	427.1	580.7
New Zealand	19.4	25.2	23.9	34.8	56.1	66.2
iv. Benua Eropah						
United Kingdom	237.8	239.3	204.4	252.0	370.6	430.0
Jerman	74.6	54.6	53.8	66.2	111.5	130.9
Belanda	35.4	39.3	28.1	46.1	90.8	114.9
v. Jumlah Ketibaan Pelancong dari Negara lain	1,077.7	1,471.5	1,438.4	1,557.2	2,277.9	1,967.6
B. Ketibaan Pelawat Harian	6,991.0	7,464	8,729.0	7,751.9	3,268.8	8,092.0

Sumber: Diubah suai dari Akaun Satelit Pelancongan Malaysia, 2010; Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010

#### MEKANISME PELANCONGAN

Dalam konteks pelancongan wilayah, mekanisme bagi memandu arah pembangunan pelancongan meliputi beberapa komponen. Ini melibatkan visi dan misi pelancongan, dasar pelancongan nasional, serta Akta Koridor Ekonomi Wilayah dan juga pelan strategik di peringkat NKEA, yang memberikan panduan dan gerak kuasa untuk menarik pelancong dan menganjurkan aktiviti pelancongan di negeri-negeri yang terlibat. Ini diringkaskan dalam Jadual 8.

Sementara itu, wilayah pelancongan juga tertakluk untuk melaksanakan lima tema dan 12 projek berimpak tinggi untuk pembangunan pelancongan wilayah di Malaysia bagi memenuhi keperluan para pelancong masa kini. Ini melibatkan tema utama yang menyasarkan pelancong yang dapat menyumbang lebih banyak tukaran wang asing dan tinggal lebih lama di wilayah-wilayah pembangunan. Jadual 9 menujukkan tematema utama dalam sasaran pelancongan di kawasan pembangunan wilayah Ekonomi dengan menggariskan 12 cadangan utama. Tema Pelancongan Perniagaan telah menggariskan tiga cadangan utama iaitu, Memartabatkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan perniagaan yang terutama, projek merentas tema, kesampaian jarak sederhana, hotel berkualiti adalah lebih baik, meningkatkan kemudahsampaian dengan pasaran jarak

yang sederhana dan menambah baik dari segi kadar, jenis dan kualiti hotel (Jadual 9). Program dan cadangan ini sedikit sebanyak dapat membantu merealisasikan corak pembangunan masa kini selaras dengan keperluan negara dan masyarakat.

#### WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR (ECER) SEBAGAI KAJIAN KES

Transformasi industri pelancongan bermula setelah pihak kerajaan menjalankan program untuk memastikan keseimbangan pembangunan dalam ekonomi di setiap wilayah. Pelbagai program telah dilaksanakan, terutama ke arah meningkatkan taraf hidup penduduk. Berteraskan wawasan “Menjadikan Wilayah Maju Menjelang 2020” ECER akan menyaksikan pembangunan distingif, dinamik lagi berdaya saing menerusi pelaksanaan projek-projek khususnya dalam pelancongan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan mengurangkan kemiskinan.

#### POLISI DAN AKTA PEMBANGUNAN WILAYAH PANTAI TIMUR 2008

Akta Pembangunan Wilayah Pantai Timur telah diwartakan pada 25 Februari 2008, dan memperbadankan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur

JADUAL 7. Tuan Rumah dan Penawaran Produk Pelancongan

No	Wilayah (ruang)	Negeri terlibat	Bentuk Pelancongan	Destinasi Pelancongan	Tema /Ciri Pelancongan
1	NCER	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak Utara.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pantai &amp; Pulau Budaya &amp; Warisan Alam Semula jadi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Langkawi (Kedah), Pangkor (Perak)</li> <li>Bangunan warisan di Georgetown (Penang)</li> <li>Royal Belum, Temenggor Lake (Perak)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bersih, aman dan tenang</li> <li>Bandar warisan</li> <li>Taman rekreasi</li> </ul>
2	ECER	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelantan, Terengganu, Pahang dan Mersing di Johor</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pantai &amp; Pulau</li> <li>Pelancongan Budaya dan Warisan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pantai Cahaya Bulan (Kelantan), Pantai Cherating (Pahang)</li> <li>Pulau Tioman (Mersing, Johor), Pulau Redang, Pulau Perhentian (Terengganu)</li> <li>Kota Bharu (Kelantan), Kuala Terengganu, Pekan (Pahang)</li> <li>Taman Negara Kuala Koh (alam semula jadi, orang asli) di Kelantan. Tasik Kenyir (memancing, trekking hutan (Terengganu), Taman Endau – Rompin, Cameron Highland (Pahang)</li> <li>Ekopelancongan</li> <li>Acara Persada</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bersih, tenang &amp; mesra alam (Konsep Percutian Dalam Riadah)</li> <li>Keindahan alam semula jadi, ‘Taman Destinasi’</li> <li>Kota Bharu (Bandar raya Islam, Pekan (Bandar Diraja)</li> <li>Gunung, bukit-bukau</li> <li>Air terjun, hidupan liar, flora &amp; fauna.</li> <li>Cara hidup tradisional</li> <li>Agro-pelancongan, pelancongan seberang sempadan, pelancongan spa, sukan, pendidikan</li> <li>Acara Pesta, konsert, temasya sukan</li> </ul>
3	IDR	<ul style="list-style-type: none"> <li>Johor Selatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pantai &amp; Pulau</li> <li>Ekopelancongan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pantai Lido, Sungai Sengget</li> <li>Gambir, Lada Hitam, Dugong</li> <li>Budaya dan Warisan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bersih, nyaman &amp; semula jadi yang unik.</li> <li>Alam sekitar &amp; sumber semula jadi menarik</li> <li>Ciri membentuk &amp; identiti penduduk</li> <li>Tinggalan sejarah</li> <li>Karnival Budaya dan Warisan JB Bazz.</li> <li>* Gendangan Tradisi di Laman Tun Sri Lanang.</li> <li>* Tarian tradisional India di Jalan Ungku Puani</li> <li>* Tarian Tradisional Melayu di Jalan Segget</li> <li>* Persembahan Budaya di Jalan Meldrum.</li> <li>Bangunan warisan (Bangunan Sultan Ibrahim)</li> </ul>

Sumber: Wilayah Ekonomi Pantai Timur, (ECER), 2008, Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), 2007, Wilayah Pembangunan Iskandar (IDR), 2007

## JADUAL 8. Mekanisme dalam Pelancongan Wilayah

Perkara	Mekanisme
Visi Pelancongan di Malaysia	<p>a. Visi: Membangunkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan bertaraf dunia.</p> <p>b. Misi: Bekerjasama dengan semua penggiat industri untuk meletakkan industri pelancongan sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi yang lestari.</p> <p>c. Dasar Pelancongan Negara: Menjadikan Industri Pelancongan Negara sebagai satu sektor utama, lestari, berdaya maju dan berkualiti dalam memberi sumbangan kepada pembangunan negara.</p> <p>d. Objektif: Meningkatkan sumbangan sektor pelancongan kepada ekonomi negara, memperkasakan komuniti luar bandar melalui aktiviti pelancongan luar bandar, memangkinkan pembangunan 1Malaysia melalui aktiviti pelancongan.</p> <p>e. Fungsi Kementerian: Menggubal dasar pelancongan negara bagi mencapai visi, misi dan objektif kementerian, melaksanakan dasar-dasar berkaitan dengan perkembangan dan pembangunan industri pelancongan, menyelaras, memantau dan menilai keberkesanan program dan projek pelancongan.</p> <p>f. Dasar Kualiti Pelancongan: Kementerian Pelancongan komited terhadap penyampaian perkhidmatan industri pelancongan yang berkualiti kepada pelanggan berdasarkan MS 1ISO 9001: 2000. Di mana pihak Kementerian Pelancongan sentiasa melaksanakan penambahbaikan berterusan terhadap Sistem Pengurusan Kualitinya untuk meningkatkan keberkesanan sistem yang dilaksanakan.</p> <p>g. Polisi Pelancongan: Menyediakan penyampaian perkhidmatan pelancongan yang berkualiti dan menepati masa, Menyediakan aktiviti/program/kegiatan pelancongan yang berkualiti bagi menggalakkan penglibatan dan penghayatan masyarakat terhadap industri pelancongan, menyediakan prasarana pelancongan yang bermutu tinggi dan berdaya maju di seluruh negara, menguatkuasakan dan melaksanakan peruntukan-peruntukan dalam akta industri pelancongan, akta pelesenan kenderaan pelancongan termasuk peraturan-peraturan di bawahnya dilaksanakan sepenuhnya secara efisien dan efektif dan mempromosikan negara sebagai destinasi pelancongan yang unggul di peringkat domestik dan antarabangsa.</p>
Pemakaian Akta Koridor Ekonomi Wilayah:	Dalam melaksanakan program di setiap wilayah, satu akta telah diwujudkan untuk melaksanakan program kerajaan, di bawah perundangan Malaysia 2007, iaitu: <ol style="list-style-type: none"> <li>Wilayah Ekonomi Koridor Utara (Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2007 (NCIA))</li> <li>Wilayah Ekonomi Pantai Timur (Akta Pembangunan Wilayah Pantai Timur, 2008)</li> <li>Wilayah Ekonomi Johor Selatan (Wilayah Iskandar) (Akta IRDA 2008)</li> </ol>
Sasaran Utama Dalam Pelancongan Wilayah	<p>Pelancongan wilayah meletakkan atau menggariskan ruang wilayah pembangunan untuk mencari peluang perniagaan dan kesan kepada wilayah. Pelancongan Wilayah akan dilaksanakan melalui Program Transformasi Kerajaan (PTK) sebagai penggerak dan pemangkin kepada agenda transformasi negara. Dalam NKRA ada menyatakan 3 lokasi yang menjadi pelengkap kepada pembangunan iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Bandar Sri Iskandar adalah untuk menyasarkan kedua-dua pasaran pelancong domestik dan pelancong asing serta pelawat harian dari Singapura dan Indonesia.</li> <li>Sepang untuk menyasarkan pelancong termasuk (penumpang transit) dari Lapangan Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Terminal Penerbangan Kos Rendah (LCCT)</li> <li>Pulau Pinang adalah untuk menyasarkan jumlah besar pelancong yang datang ke Pulau Pinang dan mengambil peluang para pelancong Indonesia yang dalam perjalanan menuju ke negara Thailand untuk membeli-belah.</li> </ol>

JADUAL 9. Tema Sasaran Utama dalam Pelancongan Wilayah Masa Kini

No	Tema	Ciri/ Huraian
1	Tema I Barangan Mewah Mampu Beli.	EPP1: Menempatkan Malaysia sebagai destinasi membeli-belah bebas cukai bagi barang pelancongan. EPP2: Menjadikan kawasan Kuala Lumpur City Centre – Bukit Bintang sebagai Presint Membeli-belah yang meriah. EPP3: Membuka tiga ruang perniagaan premium baharu di Malaysia.
2	Tema 2 Kembara Alam Semula jadi	EPP4: Memartabatkan Malaysia sebagai hab biodiversiti global.
3	Tema 3 Keseronokan Seisi Keluarga	EPP5: Membangunkan resort bersepada eko-semula jadi (eco-nature integrated resort) di Sabah. EPP6: Mewujudkan Straits Riviera.
4	Tema 4 Acara, Hiburan, Spa & Sukan	EPP7: Menyasarkan lebih banyak acara antarabangsa. EPP8: Mewujudkan zon hiburan khas. EPP9a: Membangunkan kepakaran tempatan dan mengawal selia industri spa dengan lebih baik. EPP9b: Meluaskan tawaran pelancongan sukan di Malaysia tanpa terbatas hanya pada penganjuran acara.
5	Tema 5 Pelancongan Perniagaan	EPP10: Memartabatkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan perniagaan yang terutama: Projek merentas tema: Kesampaian jarak sederhana: Hotel berkualiti adalah lebih baik. EPP11: Meningkatkan kemudahsampaian dengan pasaran jarak yang sederhana. EPP12: Menambah baik dari segi kadar, jenis dan kualiti hotel.

Sumber: Program Transformasi Kerajaan (PTK)

(MPWEPT). Ini membolehkan majlis ini merangka arah, dasar dan strategi yang sewajarnya berhubung dengan pembangunan dalam wilayah tersebut. Ia juga berfungsi bagi penyelarasan antara entiti kerajaan untuk menggalakkan aktiviti perdagangan, pelaburan, pelancongan dan pembangunan dalam wilayah tersebut.

Dalam akta tersebut, Wilayah Pantai Timur (ECER) diisyiharkan sebagai kawasan yang dikenali secara kolektif sebagai "Wilayah Ekonomi Pantai Timur" yang terdiri daripada negeri-negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Daerah Mersing, Johor.

#### PELAN INDUK WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR

Bagi merealisasikan wawasan di atas, satu Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur telah disediakan, dengan menggariskan beberapa perkara untuk dilaksanakan iaitu:

1. Objektif, fungsi, kuasa, dan fungsi Wilayah Ekonomi Pantai Timur
2. Pembangunan dan pengembangan industri pelancongan;
3. Penambahaikan, pengembangan, pemusatan, penyelaras dan peningkatan tahap pengurusan industri minyak dan gas dan petrokimia;

4. Pembangunan sektor perindustrian, termasuk pembangunan industri dengan nilai tambah yang lebih tinggi dan industri baru;
5. Pembangunan modal insan yang berkaitan mengikut sektor atau mengikuti industri, aktiviti berhubungan dengan pendidikan, latihan dan penyelidikan;
6. Pembangunan sektor pertanian, termasuk modenkan, mempelbagaikan dan mengkomersialkannya;

Pelan Induk ECER telah membuka dan mencambahkan lembaran dan idea-idea bagi menarik pelancong menikmati keindahan alam semula jadi di Pantai Timur. Selaras dengan ini, tindakan dan inisiatif telah diambil bagi melindungi, menguruskan, memulihara, memelihara, meningkatkan, dan membangunkan secara mapan sumber asli alam sekitar, sumber pertanian, ekosistem pantai yang sensitif, tanah tinggi, hutan, taman dan kawasan lapang di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur. Sebanyak RM16.5 bilion telah diperuntukkan bagi memajukan 31 projek pelancongan di wilayah ini.

#### PENAWARAN PRODUK PELANCONGAN DI WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR (ECER)

Keindahan khazanah semula jadi di Pantai Timur yang kaya dengan pantai-pantai yang bersih dan indah,

gugusan pulau-pulau yang dilingkari karang, serta hutan hujan yang subur menghijau, telah menjadikan pelancongan sebagai salah satu pemacu ekonomi yang penting di ECER. Enam segmen pelancongan yang unik telah dikenal pasti di wilayah ini, iaitu: a) Pelancongan pesisiran pantai tanah besar, b) Pelancongan pulau yang mampan, c) Pelancongan bandar, d) Pelancongan budaya dan warisan, e) Pelancongan merentasi sempadan f) Eko-pelancongan. Dari sumber-sumber aktiviti pelancongan ini, diunjurkan lebih berpotensi untuk dibangunkan serta dimajukan bagi membawa perubahan ketara dalam senario pelancongan (Jadual 10).

Berdasarkan Jadual 10, sebagai tuan rumah, ECER menawarkan pelbagai bentuk produk pelancongan daripada pelancongan budaya sehingga kepada pelancongan acara bertaraf antarabangsa. Selain itu, pelancongan warisan juga agak dominan terutama di Kota Bharu yang dikenali sebagai Serambi Mekah atau Bandar Raya Islam (Kelantan), Masjid Kristal di Kuala Terengganu, dan Bandar Diraja di Pekan (Pahang). Wilayah ECER juga menganjurkan Acara Persada seperti Pesta Air Kelantan dan Pertandingan Go-Kart Diraja di Kelantan; Piala Monsoon dan Triathlon Antarabangsa Tasik Kenyir di Terengganu; dan Pesta Makanan & Buah-buahan Cameron Highlands dan Surfing Antarabangsa Cherating di Pahang. Aktiviti-aktiviti ini berpotensi untuk dijadikan aktiviti utama dan sebagai tarikan destinasi pelancongan di wilayah ini.

JADUAL 10. Tuan Rumah dan Penawaran Produk Pelancongan di Wilayah Pantai Timur 2008 - kini.

No	Wilayah (ruang)	Negeri terlibat	Bentuk Pelancongan	Destinasi Pelancongan	Tema/Ciri Pelancongan
1	ECER	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kelantan, Terengganu, Pahang dan Mersing di Johor</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pantai &amp; Pulau</li> <li>• Pelancongan Budaya dan Warisan</li> <li>• Ekopelancongan</li> <li>• Acara Persada</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pantai Cahaya Bulan (Kelantan), Pantai Cherating (Pahang)</li> <li>• Pulau Tioman (Mersing, Johor), Pulau Redang, Pulau Perhentian (Terengganu)</li> <li>• Kota Bharu (Kelantan), Kuala Terengganu, Pekan (Pahang)</li> <li>• Taman Negara Kuala Koh (alam semula jadi, Orang Asli) di Kelantan. Tasik Kenyir (memancing, trekking hutan (Terengganu), Taman Endau -Rompin, Cameron Highlands (Pahang)</li> <li>• Pesta Air Kelantan, Pertandingan Go-Kart Diraja (Kelantan), Piala Monsoon, Triathlon Antarabangsa Tasik Kenyir (Terengganu)</li> <li>• Pesta Makanan &amp; Buah-buahan Cameron Highlands, Surfing Antarabangsa Cherating (Pahang)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bersih, tenang &amp; mesra alam (Konsep Percutian Dalam Riadah)</li> <li>• Keindahan alam semula jadi, 'Taman Destinas'</li> <li>• Kota Bharu (Bandar raya Islam, Pekan (Bandar Diraja)</li> <li>• Gunung, bukit-bukit</li> <li>• Air terjun, hidupan liar, flora &amp; fauna.</li> <li>• Cara hidup tradisional</li> <li>• A g r o - p e l a n c o n g a n , pelancongan seberang sempadan, pelancongan spa, sukan, pendidikan</li> <li>• Acara Pesta, konsert, temasya sukan</li> </ul>

Sumber: ECERDC, 2008


#### PELAKSANAAN PROGRAM PELANCONGAN DI WILAYAH ECER

Sektor pelancongan sememangnya berpotensi menjana pendapatan dan mewujudkan peluang pekerjaan yang banyak terutama kepada masyarakat luar bandar. Untuk mencapai hasrat tersebut, lebih 31 projek pelancongan dengan peruntukan sebanyak RM16.5 bilion telah disediakan untuk melaksanakan projek-projek pelancongan dalam tempoh rancangan pembangunan di wilayah ECER dalam tempoh 2008 hingga 2020. Rajah 3 menunjukkan sebahagian daripada projek-projek utama yang akan dibangunkan di Wilayah ECER.

Selain itu, sebanyak lapan projek pelancongan telah dibangunkan sejak tahun 2009, seperti pembangunan pelancongan di Pulau Besar/kampung Penarik, Teluk Bidara, Pekan, Dungun, Pantai Sepat, Cherating, Bandar Warisan Pekan dan Setiu Wetlands.

#### KEMASUKAN PELANCONG KE WILAYAH ECER 2008-2010

Berdasarkan Jadual 11 dan Jadual 12, kedatangan pelancong ke wilayah ECER dari tahun 2008 hingga 2010 berada dalam keadaan stabil. Negeri Pahang mencatat kedatangan pelancong asing yang tertinggi dengan 3.69 juta orang pada tahun 2008, 3.72 juta orang pada tahun 2009 dan 3.21 juta orang pada tahun 2010. Bagi destinasi-destinasi pelancongan utama di setiap negeri, pelancong



RAJAH 3. Pelan Induk Teluk Bidara, Terengganu

Sumber: ECERDC, 2008

JADUAL 11. Kemasukan Pelancongan ke Wilayah Ekonomi Pantai Timur 2008-2010

No	Negeri	Tahun 2008 ( ECER)		Tahun 2009 (ECER)		Tahun 2010 (ECER)	
		Malaysia	Pelancong Luar	Malaysia	Pelancong Luar	Malaysia	Pelancong Luar
1	Kelantan	933,518	77,461	761,910	85,433	753,755	74,926
2	Terengganu	1,398,347	142,076	1,041,026	178,101	1,117,305	132,255
3	Pahang	6,420,080	3,690,428	5,931,381	3,721,528	4,950,867	3,208,509
	Jumlah	8,751,945	3,909,965	7,734,317	3,985,062	6,821,927	5,276,690

Sumber: Pelancongan Malaysia, 2011; Wilayah Ekonomi Pantai Timur, 2011

JADUAL 12. Kedatangan Pelancong Mengikut Destinasi Sehingga 2010

No	Destinasi	Antarabangsa	Domestik	Jumlah
1	Taman Negara	21,634	18,698	40,332
2	Genting Highlands	809,819	2,104,021	2,913,840
3	Cherating	45,048	98,391	143,439
4	Cameron Highlands	99,041	175,075	274,116
5	Pulau Tioman	29,272	105,900	135,172
6	Bukit Frazer	5,883	53,718	59,601
7	Kuala Gundah	15,121	66,640	81,761
8	Lain-lain tempat	71,675	647,228	718,903
	Jumlah	1,097,493	3,269,671	4,367,164

Sumber: Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser, 2010

domestik menjadi pelancong utama, diikuti pelancong dari ASEAN dan antarabangsa.

## KESIMPULAN

Pembangunan pelancongan yang menyeluruh akan memberikan kesan positif ke atas usaha-usaha membasmikan kemiskinan, terutamanya dalam kalangan para petani dan nelayan di Pantai Timur. Di samping itu, sektor ini juga akan mewujudkan peluang guna tenaga yang lebih di semua peringkat, serta ruang lingkup yang lebih luas bagi penyertaan masyarakat tempatan dalam bidang keusahawanan. Teras keseluruhan dasar dalam sektor pelancongan ialah untuk mencapai pembangunan pelancongan yang mampan dan merealisasikan potensi penjanaan peluang pekerjaan yang banyak dan kesan penjanaan pendapatan di pelbagai peringkat, negara, negeri dan kawasan tempatan. Satu pendekatan holistik dan bersepada yang memberi pengaruh ke atas inovasi dan daya tenaga sektor swasta, layanan baik, sopan-santun dan kesedaran sivik orang awam serta sokongan dari kerajaan adalah amat perlu untuk memperkasakan industri pelancongan ke tahap yang lebih tinggi.

## RUJUKAN

- Achrol, R.S. & Kotler, P. 1999. Marketing in the network economy. *Journal of Marketing* 63(4): 146-163.
- Buhalis, D. 2000. Marketing the competitive destination of the future. *Tourism Management* 21: 97-116.
- Badaruddin M, Lee Lik Meng & Nikmatul Adha. N. 2002. Malaysia's International Tourism Promotion and Image Positioning – Perceptions of the International Tourists. Proceedings of the 8<sup>th</sup> Annual Conference Asia Pacific Tourism Association. Dalian, China: 10-18.
- Badaruddin Mohamed, et al. 2002. *Malaysia as a Destination: In the Eyes of International Tourists*. IRPA Research Report. Universiti Sains Malaysia.
- ECERDC. 2008. www.ecerdc.com.my/ecerdc/
- Fyall, A., Calloff, C. & Edwards, B. 2003. Relationship marketing: The challenge for destinations. *Annals of Tourism Research* 30(3): 644-659.
- Goodall, B. 1991. Understanding holiday choice. In *Progress in Tourism, Recreation and Hospitality Management*, edited by Cooper, C. 3: 58-78. London: Belhaven Press.
- Hall, C.M. 2008. *Tourism Planning – Policies, Processes and Relationship*. London: Pearson Prentice Hall.
- Iskandar Malaysia.2012. www.iskandarmalaysia.com.my
- Mill, R. C & Morrison, M.A. 1985. *The Tourism System: An Introductory Text*. New Jersey: Prentice Hall.
- NCER.2011.www.koridorutara.com.my
- Stefanos, 2003. *Market Tourism Research*. Manuscript Technological Educational Institute of Crete.
- Seaton, A.V & Bennett, M.M. 1996. *The Marketing of Tourism Products: Concepts, Issues and Cases*. London: International Thomson Business Press.
- Uysal, M., Chen, J. S. & Williams, D. R. 2000. Increasing state market share through a regional positioning. *Tourism Management* 21: 89-96.
- World Travel and Tourism Council. 1995. *Travel & Tourism in Asia Pacific*. Brussels: World Travel & Tourism.
- WTO. 1983. *Domestic and International Tourism's Contribution to State Revenue*. Madrid: WTO.
- WTO. 2000. *Asia Pacific conference on tourism development for the future: preserving natural and cultural heritage for the next generation*. Japan: Wakayama.
- Wallace, F. S. 1975. *Urban Development. The Process and the Problem*. Los Angeles: University of California Press.
- World Tourism Organization. 1981. Technical handbook on the collection and presentation of domestic and international tourist statistic: Introduction. In *Tourism Planning: An Integrated and Sustainable Development Approach*, edited by Inskeep, E.. New York: Van Nostrand Reinhold.
- Yahaya Ibrahim, Sulong Mohamad & Habibah Ahmad. 2008. *Pelancongan Malaysia: Isu, Pembangunan, Budaya, Komuniti dan Persetempatan*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia
- Wan Suzita Wan Ibrahim  
Habibah Ahmad, Ph.D  
Hamzah Jusoh, Prof. Madya, Ph.D
- Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Emel: wan48637@yahoo.com  
ha@ukm.my  
hj@ukm.my